

04/12/1999

Dua Adun sabotaj Dr Koh: Keng Yaik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Gerakan mendakwa tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) meninggalkan parti itu semalam, didalangi `kuasa luar' bagi mensabotaj Tan Sri Dr Koh Tsu Koon daripada mengekalkan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata dua Adun itu keluar parti hanya selepas tiga hari menang dalam pilihan raya umum kerana dipengaruhi pihak tertentu atau `broker kuasa' yang mempunyai agenda di negeri itu.

"Semua ini bertujuan menghalang Dr Koh daripada terus dilantik sebagai Ketua Menteri. Kita serahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan siapa yang akan menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.

"Bagaimanapun demi hak pentadbiran kerajaan Pulau Pinang, kita (Gerakan) tidak akan membenarkan `broker kuasa' itu berbuat demikian atau apa jua niat mereka," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Semalam, Adun Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Adun Bayan Lepas, Lim Chien Aun, mengumumkan keluar daripada Gerakan dengan alasan kepemimpinan parti itu gagal mencapai mutu yang tinggi dan tidak menyumbang kepada pembangunan politik.

Berikutan tindakan itu, Gerakan kini mempunyai lapan kerusi di Dewan Undangan Negeri, sembilan MCA, Umno (10), MIC (satu) dan Bebas (dua).

Dr Lim berkata, kalau dua Adun itu berpendapat kepemimpinan Gerakan sedemikian rupa, mengapa mereka sanggup menjadi calon parti itu dalam pilihan raya umum lalu.

"Alasan mereka tidak kukuh, apa lagi mereka sendiri terpilih atas tiket parti ini pada pilihan raya lalu, yang menunjukkan rakyat Pulau Pinang yakin terhadap kemampuan dan kepemimpinan Gerakan.

"Saya simpati dan sedih terhadap kedua-duanya, tetapi nampaknya mereka telah di pengaruhi oleh `broker kuasa'. Mereka harus menjelaskan kepada rakyat mengapa mereka berbuat demikian.

"Mereka telah mengkhianati mandat rakyat Pulau Pinang. Mereka kena jawab sendiri. Mereka adalah orang yang tidak bertanggungjawab, tidak berdisiplin, tidak matang dan mementingkan diri," katanya.

Ditanya kemungkinan Adun berkenaan menyertai parti komponen BN lain, Dr Lim berkata itu adalah hak mereka.

Bagaimanapun, menurut beliau, BN mempunyai persetujuan bahawa mana-mana ahli parti komponen yang keluar partinya tidak boleh diterima oleh parti komponen lain.

"Kalau ada parti komponen yang menerima mereka, maka parti berkenaan melakukan tindakan yang boleh mewujudkan ketidakstabilan dalam BN," katanya.

Beliau juga berkata, Gerakan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk berkhidmat di dua kawasan terbabit sebagai bukti parti itu terus berkerja untuk rakyat dan berterima kasih atas sokongan mereka.

(END)